

07/09/2002

Forum tidak rasmi cari rumusan kembalikan keamanan

Abdul Halim Yusoff; Magendran Rajagopal

USAHA mencari kedamaian sejagat semakin meningkat sejak berlakunya tragedi serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 September lalu.

Tragedi itu merubah tanggapan masyarakat sehingga menggugat semangat kemanusiaan selain mewujudkan perasaan takut dan prasangka sesama manusia terutama kepada umat Islam.

Forum Kepemimpinan Global Asia, satu forum tidak rasmi ala "Camp David" yang berlangsung di Pangkor Laut hujung minggu ini disasarkan dapat mencari penyelesaian kepada dilema itu.

Forum berkenaan mewujudkan gandingan unik merangkumi pelbagai sektor perniagaan dari serata dunia.

Langkah mengadakan forum ini begitu hampir dengan ulang tahun pertama kejadian 11 September adalah sebagai pendorong kepada peserta forum menyentuh mengenai perubahan.

Diadakan di Malaysia - sebuah negara Islam - menandakan keyakinan masyarakat sejagat menghadapi masa depan dengan semangat baru.

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia juga mendapat tumpuan dunia dan bertanggungjawab mengubah tanggapan negatif terhadap umat Islam secara menyeluruh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu khas pada sidang itu yang akan memberikan ucap tama pada majlis penutup forum bertajuk Membina dan Berkongsi Kemakmuran Sejagat - Memberikan Dimensi Insan Terhadap Globalisasi.

"Ketika ini perhatian diberikan kepada negara Islam dan fokus terhadap isu keselamatan. Banyak budaya dan agama berbeza dapat sepakat di sini (Malaysia).

"Kami mahu anda semua melihat bagaimana sebuah negara Islam yang sederhana, bertolak ansur dan berhemah, dedikasi terhadap konsep keamanan dan kewujudan bersama," kata Dr Mahathir dalam amanat khas buku program forum ini.

Forum kali ini ialah anjuran bersama YTL Corporation Bhd (YTL), Institut Strategi & Kepimpinan Asia (Asli), Forbes Inc dan CNBC Asia Pacific.

Forum ini dijangka mengumpulkan di antara 180 dan 200 ahli korporat dan ketua eksekutif dari seluruh dunia untuk bertukar pandangan mengenai isu politik dan perniagaan berikutan insiden 11 September 2001.

Dialog di forum ini dibahagikan kepada lima sesi utama iaitu politik dan sekuriti, wanita dan budaya, perkhidmatan kewangan dan perbankan, industri dan teknologi.

Antara pembentang kertas kerja termasuk Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, dengan kertas kerja Menjadikan Dunia Tempat Yang Lebih Baik".

Pembentang kertas kerja lain termasuk Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie Huhtala; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Solomon Smith Barney, USA Michael Carpenter; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Weesex Water Services Ltd, Colin Skellett dan Presiden/Ketua Eksekutif Forbes Inc, Steve Forbes.

Pengarah Urusan YTL Corp, Tan Sri Francis Yeoh, berkata forum itu antara lain akan memberi tumpuan khusus kepada penyelarasan satu persefahaman untuk mencari rumusan mengembalikan keamanan dan kesejahteraan dalam dunia yang semakin bergolak.